

MURABBI YANG DIRINDUI TUAN GURU HAJI SALLEH BIN HAJI MUSA: TOKOH ULAMA TAUHID NEGERI KEDAH

Norfazila Ab Hamid
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
norfazila@kuis.edu.my

Riduan Makhtar
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
riduan@kuis.edu.my

Khairatul Akmar Ab Latif
Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
khairatulakmar@kuis.edu.my

ABSTRAK

Negeri Kedah Darul Aman adalah salah sebuah negeri yang bernaung di bawah negara Malaysia yang merupakan sebagai salah sebuah negara di Nusantara yang turut menyumbang dalam melahirkan tokoh-tokoh ulama yang berwibawa dan disegani masyarakat. Salah seorang daripada tokoh ulama kelahiran Kedah yang dikasihi ramai ini ialah Tuan Guru Haji Salleh Bin Haji Musa (terkenal dengan panggilan 'Tok guru Baba Haji Salleh'). Tok Guru Baba Haji Salleh (08.02.1929 - 22.07.2016) merupakan antara ulama tertua di Malaysia. Murabbi ini terkenal dengan kehebatan beliau yang menguasai ilmu tauhid dalam arena keilmuan di Nusantara. Ketokohan dan kehebatan ilmu murabbi ini tidak boleh disangkal lagi dan dapat dibuktikan melalui aktiviti para guru pondok serta para ilmuan yang dahagakan ilmu ukhrawi sekitar Nusantara seperti Thailand dan Indonesia akan turun menadahkan kitab tauhid dengan beliau sehingga khatam setiap tahun selama satu bulan pada bulan Ramadhan. Berdasarkan metod temu bual dan analisis dokumen tertentu yang telah diajukan, maka kertas kerja ini memperkenalkan murabbi yang dirindui masyarakat yang telah menjadi sejarah dalam masyarakat ini. Kerinduan ketokohan beliau dilihat melalui beberapa aspek seperti; latar belakang kekeluargaan, pendidikan, kepakaran ilmu, penulisan kitab, sumbangan kemasyarakatan, kitab yang diajar, amalan dan liku-liku kehidupan, kata-kata hikmat, anugerah yang pernah diterima, dan sejarah pembinaan Pondok Ar-Rahmaniah yang telah dibina melalui hasil titik peluh beliau.

Kata Kunci: *Tokoh Ulama Tauhid Kedah; Tuan Guru Haji Salleh bin Haji Musa; Biografi; Pendidikan; Anugerah.*

PENGENALAN

Tok Guru Baba Haji Salleh merupakan antara Ulama tertua di Malaysia dan terkenal dengan kehebatan beliau yang menguasai ilmu tauhid dalam arena keilmuan Nusantara. Anak kelahiran negeri Kedah ini merupakan murabbi yang amat dirindui oleh masyarakat. Oleh itu, kertas kerja ini akan membicarakan tentang tokoh Ulama Nusantara ini dari sudut latar belakang kekeluargaan, pendidikan, kepakaran ilmu, penulisan kitab, sumbangan beliau dalam masyarakat, kitab yang diajar, amalan dan liku-liku kehidupan beliau sebagai seorang pendakwah, kata-kata hikmat, anugerah yang pernah diperoleh dan sejarah pembinaan Pondok Ar-Rahmaniah yang murabbi ini terajui.

Siapakah Insan Istimewa Yang Dirindui Ini?
(08.02.1929 - 22.07.2016)



Dikelilingi bukit-bukau, suasana alam yang tenang dan didiami pasangan suami-isteri yang sangat disayangi masyarakat, maka tanggal 08.02.1929 lahirlah seorang tokoh ulama terkenal yang diberi nama oleh ayahanda dan bonda sebagai Salleh Bin Musa (dikenali sebagai Tuan Guru Haji Salleh @ Tok Guru Baba). Ayahanda beliau bernama Tuan Guru Hj. Musa Bin Salleh dan bonda Khatijah Bt. Md Saad Mehamad. Tok Guru Baba dilahirkan di Pekan Sik Kedah dan merupakan anak ke-3 daripada 8 orang adik-beradik. Tok Guru Baba telah mendirikan rumahtangga dengan Hjh. Hatiah Bt Hanafi iaitu perawan pilihan keluarganya semasa beliau masih menuntut ilmu. Walaupun sedang menuntut ilmu Allah, perkahwinan ini tidak menjejaskan usahanya untuk menuntut ilmu, malahan telah mendorong beliau belajar dengan lebih tekun. Hasil perkongsian hidup bersama isteri tercinta iaitu Hjh. Hatiah, mereka telah dikurniakan 11 orang cahaya mata dan 2 orang cahaya matanya dilahirkan semasa Tok Guru Baba menimba ilmu di Makkah. Antara cahaya mata beliau ialah; 1. Zubir Haji Salleh, 2. Mohd Zuhrir Haji Salleh, 3. Badrodin Haji Salleh, 4. Napisah Haji Salleh, 5. Faizah Haji Salleh, 6. Aidah Haji Salleh, 7. Basiroh Haji Salleh, 8. A'pipah Haji Salleh, 9. Muslim Haji Salleh, 10. Yazid Haji Salleh dan 11. Mohd Najib Haji Salleh. Isteri pertama beliau sudah meninggal dunia dan Tuan Guru sekali lagi berkahwin dengan Hjh. Sofiah Bt. Hj. Awang.

Kelahiran Tok Guru Baba ini meneruskan sinar perjuangan para anbia dalam menegakkan agama Allah. Beliau seorang hamba Allah dan pemimpin yang tegas dalam menegakkan syiar Allah. Ketegasan dalam menegakkan ilmu Allah yang dimiliki beliau membuatkan beliau dihormati, disayangi dan digeruni oleh masyarakat sekeliling hingga akhir hayat. Pengabdian

kehidupan beliau penuh dengan aktiviti keilmuan, beramal dan berdakwah tanpa jemu tidak mengira erti penat dan lelah hingga akhir hayat.

Tanggal 22 Julai 2016 genap usia Murabbi 87 tahun, penduduk di Sik Kedah telah dikejutkan dengan berita kematian Murabbi ini. Pemergian Murabbi yang disayangi dan dirindui ini merupakan satu kehilangan sebiiji mutiara yang amat berharga bagi penduduk Sik Kedah. Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada jam 8.15 malam ketika sedang menerima rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) akibat sakit tua.



Gambar-gambar ini memperlihatkan pemergian almarhum Murabbi yang disayangi ramai Tuan Guru Haji Salleh bin Musa satu kehilangan besar bagi penganut Ahli Sunnah Wal Jamaah

SERBA-SEDIKIT LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Tok Guru Baba mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sik. Murabbi ini telah menuntut ilmu semasa kecil lagi dengan bergurukan ayahanda Tuan Guru Hj Musa. Murabbi istimewa ini sangat rajin dalam mencari ilmu. Selain berguru dengan ayahandanya sendiri Murabbi ini turut mencari ilmu di sekolah, di rumah beliau kemudiannya menimba ilmu di pondok-pondok di Malaysia. Pondok-pondok merupakan sasaran utama dan antara pondok yang pernah diduduki dan guru yang pernah mengajar beliau ialah; Pondok Tuan Guru Hj Ahmad Tuan Hussin (Pokok sena Pulau pinang), Pondok Tuan Guru Haji Nawawi (Gurun Kedah), Pondok Pak Chu Wan Ibrahim (Gajah Mati) dan akhirnya beliau meyambung dan mendalami ilmu agama di Madrasah Darul ‘Ulum Ad-Diniyyah, Makkah.

Semasa di Mekah, beliau mendalami ilmu di Masjidil Haram Makkah bersama syeikh-syeikh terkemuka. Antara syeikh-syeikh yang bejaya mendidik insan yang bermakna dalam kehidupan masyarakat ini ialah; 1. Syeikh Yaasin Al-Fatani, 2. Syeikh Sayyid Amin al-Kutubi, 3. syeikh Alawi Al-Maliki, 4. Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili, 5. Syeikh Ismail Al-Fatani (pak da ei), 6. Syeikh Tengku Jalil, 7. Syeikh Ahyat Al-Bagori, dan 8. Syeikh Mansor Al-Filfilani.

KEPAKARAN ILMU TAUHID



Murabbi ini diangkat sebagai Ulama yang terkenal di Kedah diwajibkan atas beberapa faktor ketokohnya. Antaranya ialah;

- i. Beliau merupakan Tok guru BabaGuru Pondok yang paling tua nisbah umur dikalangan Tok guru BabaPondok di sekitar Kedah.
- ii. Beliau merupakan tokoh Ulama Tauhid di alam Melayu sekarang dan seluruh pelajar pondok seluruh Nusantara akan berkumpul di Pondok Tok guru BabaHj Salleh, setiap bulan Ramadan semata-mata untuk belajar ilmu tauhid dengannya.
- iii. Beliau sangat petah dalam penyampaian ilmu dan dakwah serta mudah difahami apa yang beliau syarahkan. Kuliah mingguan beliau setiap hari Jumaat tidak kurang dari 3000 orang yang hadir. Setiap hari beliau gigih mengajar di Madrasah Ar- Rahmaniah dan beliau keluar menyampaikan dakwah di seluruh daerah dalam negeri Kedah. Hampir 24 tempat

beliau jelajah setiap bulan. Allah telah memberikan taufiq pada beliau kerana walaupun berusia 87 tahun namun beliau masih bertenaga menyebarkan ilmu Allah.

- iv. Ketokohan beliau tidak dapat dinafikan oleh kawan dan lawan. Beliau tegas dalam menegakkan hukum Allah dan beliau disayangi dan disanjung seluruh Nusantara. Beliau juga seorang Ulama yang sentiasa berfikiran terbuka terhadap anak-anak muridnya.

KITAB YANG DIGUNAKAN DALAM PENGAJARAN

Antara kitab-kitab yang digunakan semasa kuliah pengajiannya bersama anak-anak murid beliau ialah; 1. Nurul Ihsan (Tafsir); 2. Baqurafak Amani (Tauhid); 3. Faridatul Faraid (Tauhid); 4. Aqinatunnasin (Tauhid); 5. Bahrul Mazi; 6. Riyadussalihin; 7. Misbahul Munir; 8. Lanatu Tholibin; 9. Matan Al-Jammiah; 10. Kawakib Durriyah dan lain-lain lagi (lihat Norfazila Ab Hamid, Farhah Zaidar Mohamed Ramli & Zainora Daud 2016: 505).

KITAB-KITAB YANG DIPELAJARI

Antara kitab-kitab yang dipelajari sepanjang menuntut ilmu dan sepanjang hidup Tok guru Baba Haji Salleh ialah; 1. *Fath al-Wahhab bi Syarh Manhaj al-Tullab* (فتح الوهاب بشرح منهج الطلاب); 2. *Hasyiyah Qalyubi wa 'Umairah* (حاشية قلوبى وعميرة); 3. *Fath al-Mu'in bi Sharh Qurrah al-'Ayn bi Muhimmat al-Din* (فتح المعين بشرح قرة العين بمهمات الدين); 4. *Fath al-Qarib al-Mujib fi Sharh Alfaz al-Taqrib* (فتح القريب المجيب في شرح الفاظ التقريب); 5. *Tafsir al-Baydhawi* (تفسير البيضاوي); 6. *Marah Labid li Kashf Ma'na al-Quran al-Majid* (ما رح لبيد لكشف معنى القران المجيد); 7. *Tafsir al-Jalalayn* (تفسير الجلالين); 8. *Matan Jawharah al-Tawhid* (متن جوهرة التوحيد); 9. *Kifayah al-'Awam fi 'Ilm al-Kalam* (حاشية الدسوقي على أم البراهين); 10. *Hasyiyah al-Dasuqi ala Ummu al-Barahin* (حاشية الدسوقي على أم البراهين); 11. *Matan Ummu al-Barahin* (متن أم البراهين); 12. *Syarh Abd al-Salam al-Laqqani ala Jawharah al-Tauhid* (شرح عبد السلام اللقاني على جوهرة التوحيد); 13. *Bakurah al-Amani* (با كورة الأماني); 14. *Matan al-Salami al-Munawwarah fi 'Ilm al-Mantiq* (متن السلم المنورق في علم المنطق); 15. *Syarh al-Jawhar al-Maknun fi al-Balaghah* (شرح الجوهر المكنون في البلاغة); 16. *Syarh Ibn 'Aqil ala Alfiyyah ibn Malik* (شرح الأشموني على ألفية ابن مالك); 17. *Syarh al-Ashmuni ala Alfiyyah Ibn Malik* (شرح الكواكب الدرية شرح ابن مالك); 18. *Al-Kawakib al-Durriyyah Syarh ala Mutammimah al-Ajrummyah* (الكواكب الدرية شرح على متممة الأجرومية) dan lain-lain lagi (Norfazila Ab Hamid, Farhah Zaidar Mohamed Ramli & Zainora Daud 2016: 505).

AMALAN DAN LIKU-LIKU KEHIDUPAN

Murabbi ini membawa amalan Thariqat Syatariah. Beliau sering dan turut menitikberatkan amalan ini dalam diri anak-anaknya. Selain itu, antara pegangan yang dipegang dalam hidup dan diamalkan ialah terdapat 3 perkara yang perlu dicari dan dipelajari dan dituntut iaitu;

- i. Mengetahui pencipta
- ii. Mengetahui mana yang memberi manfaat dan mana yang memberi mudarat
- iii. Mengetahui keadaannya bagaimaimana kehidupan selepas kematian.

Tok guru Baba dikenali sebagai Ulama yang gigih dalam menuntut ilmu. Semangat beliau tidak pernah luntur untuk mengenal lebih dekat penciptanya dan ilmu yang dimiliki membuatkan beliau begitu gigih untuk membina empayar pusat pengajian. Kegigihan beliau membina empayar dalam menyebarkan ilmu ini secara tidak langsung telah membantu masyarakat untuk menimba ilmu. Atas kegigihan beliau, usulan dakwah dan tarbiyah dalam masyarakat telah membuatkan pondok Ar-Rahmaniah yang dipimpinnya dikenali seluruh Nusantara. Kini setelah pemergiannya, Pondok Ar-Rahmaniah telah diambil alih oleh anak beliau iaitu Syeikh Muslim Haji Salleh. Kini Syeikh Muslim telah meneruskan legasi pentadbiran di pondok ini.

ANUGERAH YANG DIPEROLEH DALAM MASYARAKAT



Kesungguhan Tok Guru Baba dalam menyampaikan dakwah dan tarbiyah dalam masyarakat telah membuatkan beliau diangkat martabatnya oleh Allah. Masyarakat menyanjung tinggi setiap usaha dan sumabngan beliau dalam membangun dan membentuk ummah. Dakwahnya tidak pernah luntur dan sering dijadikan panduan oleh masyarakat yang berada disekeliling beliau. Berkat usahanya yang tidak pernah mengenal erti penat dan lelah dalam arena dakwahnya, Tok Guru Baba telah mendapat beberapa anugerah antaranya ialah;

1. KDYMM Sultan Kedah telah anugerahkan Pingat Kebesaran B.K.M 2009
2. KDYMM Sultan Kedah telah anugerahkan Pingat Kebesaran S.D.K 2009
3. Tokoh Pendakwah Negeri Kedah tahun 2009
4. Pada tahun 2010 MB Kedah YAB Dato' Seri Di-Raja Ust Azizan Abd Razak meanugerahkan Tokoh Guru Pondok Negeri Kedah.
5. Pada tahun 2011 Tok Guru Baba dinobatkan sebagai Tokoh Ilmuan Daerah Sik Oleh Pegawai Daerah Sik
6. Tok Guru Baba Hj Salleh Musa merupakan tokoh ulama yang makruf, alim serta tinggi dengan ilmu turath dan tokoh ulama tauhid di seluruh Nusantara.

HIKMAT DALAM BERKATA-KATA

Murabbi ini seringkali memberikan nasihat dan setiap kata-kata yang dikeluarkan dari ucapan beliau dijadikan panduan dan amalan buat anak-anak murid yang berguru dengannya. Pelbagai kata hikmat yang telah ditinggalkan untuk dijadikan sandaran. Antaranya adalah seperti berikut;



1929-2016

PESANAN TOK GURU DALAM MENGHADAPI DAJJAL

"Nak lawan Dajjal dan nak jauh daripada terikut-ikut dengan Dajjal bukan dengan menghadiri Forum Perdana menceritakan tentang Dajjal semata-mata.. Tapi nak lawan Dajjal dan nak hindar diri daripada terikut-ikut dengan Dajjal, tak dapat tidak wajib kena hadirkan diri ke Pengajian Kitab Tauhid supaya kita dapat kenal Allah تعالی agar aqidah kita KUKUH & iktiqad kita JAZAM.. Senjata utama untuk lawan Dajjal adalah dengan AQIDAH yang MANTAP.. Perisai utama untuk hindarkan diri daripada terikut dengan Dajjal adalah dengan IKTIQAD yang JAZAM.. Kalau tak ngaji Tauhid, lagumana kita nak kenal Allah تعالی Kalau Allah تعالی pon kita tak kenal, lagumana nak lawan Dajjal? Sebab ketika Dajjal muncul nanti, Dajjal akan mengaku dia adalah Tuhan.. Orang yang takmau ngaji Tauhid, takmau perkemaih Aqidah, takmau mantapkan Iktiqad, dialah yang akan ikut Dajjal Laknatullah.. Sebabnya adalah dia sendiri takmau kenal Allah تعالی Maka tertipulah dia dengan fitnah Dajjal Laknatullah.. Na'uzubillahi minzalik.." - ALLAHyarham Sohibul Usul Tuan Guru Babo Haji Salleh Bin Musa Sik-



Diwaktu muda ini,
rajin-rajin la mengaji.
jangan banyak buang masa.
mengaji biar lama.
jangan ada krisis
dengan GURU-GURU,
kerana keberkatan ada
pada GURU-GURU kita.
jaga adab sebagai murid.
kita perlu
sambung perjuangan
GURU-GURU
kita dalam
mentarbiyyah
ummah


TUAN GURU BABA HJ SALLEH MUSA

Page 11 : Jan Jaa Murabbi Maa 'Arafu Rabbi



"ILMU ITU CAHAYA
CAHAYA ALLAH
TIDAK KEKAL DI
DALAM ORANG
YANG MELAKUKAN
MAKSIAT"

Tuan Guru Haji Salleh Bin Musa Hafidzohullah



PONDOK RAHMANIAH MEMBENIHKAN ILMU



Pondok Tuan Guru Haji Salleh Musa di Sik, Kedah turut dikenali sebagai Madrasah Ar-Rahmaniah. Menyorot latar sejarah pembinaanya, pondok ini telah dibina diasaskan Tuan Guru Haji Musa sebelum penjajahan Jepun di penghujung 1930-an. Setelah Tok Guru Baba Haji Musa meninggal, pondok ini ditadbir dan terus dibangunkan oleh Tuan Guru Haji Salleh Bin Musa bermula pada tahun 1964. Setelah habis pengajian Tok Guru Baba Haji Salleh di Mekah pada tahun 1964, Tok Guru Baba terus pulang ke Malaysia dan terus berkhidmat membantu mengajar di pondok ayahanda beliau di Pekan Sik, Kedah. Tok Guru Baba telah menggantikan ayah beliau sebagai mudir Madrasah Ar-Rahmaniah sehingga tahun 2016. Setelah Tok Guru Baba kembali kepada penciptanya pondok ini diterajui pula oleh pewarisnya iaitu Syeikh Muslim Haji Salleh sebagai mudir.

Tok Guru Baba menumpukan dakwah sepenuh masa di pondok ini hingga ke akhir hayatnya. Beliau menyampaikan dakwah di setiap setiap pelosok daerah di sekitar negeri Kedah Darul Aman. Murabbi ini sangat dekat di hati masyarakat sehinggakan pasar pagi di situ dikenali sebagai Pasar Pagi Tok Guru. Pasar Pagi di situ muncul dengan adanya kuliah agama setiap pagi Jumaat dan kehadiran ribuan orang ke pondok menjadi daya tarikan buat penduduk membuka khemah untuk berniaga sambil menuntut ilmu. Selain menuntut ilmu, para penduduk di sekitarnya turut menjana pendapatan bagi menampung perbelanjaan di situ. Secara tidak langsung, Tok Guru Baba telah memberikan ruang untuk penduduk menambahkan rezeki.

Menurut Syeikh Muslim Haji Salleh, meskipun melalui beberapa zaman peralihan beliau masih mengekalkan sistem pengajian tradisi secara halaqah dengan menggunakan kitab turath dari kulit ke kulit dan hanya berubah dari segi binaan bangunan serta pengurusan yang lebih baik. Kini, Madrasah Ar-Rahmaniah mempunyai 300 pelajar berusia 16 hingga 90 tahun terdiri daripada remaja lelaki, remaja perempuan dan warga emas. Pondok ini hanya mempunyai dua guru tetap iaitu Syeikh Muslim Haji Salleh dan adiknya, Ustaz Yazid Haji Salleh yang tidak bergaji serta dibantu oleh enam pembimbing pelajar dewasa.

Sehubungan itu, pondok ini tidak mengenakan apa-apa yuran pengajian bulanan kecuali yuran pendaftaran RM50 seumur hidup dan elektrik RM10 sebulan manakala makan minum terserah kepada pelajar sendiri menentukannya. Walaupun dihipit arus kemodenan dengan perkembangan sekolah agama berasrama penuh dan pelbagai lagi, pondok ini masih mendapat perhatian daripada masyarakat. Masyarakat mahukan kelainan dengan pengajian mendalam dari kulit ke kulit kitab dan kupasan terperinci daripada orang yang alim di bidang agama.

Selain itu, pondok ini bukan sahaja dihadiri pelajar tercicir, malah menjadi tumpuan pelajar lepasan universiti dari dalam dan luar negara. Pondok ini tidak mementingkan tapisan pelajar. Kehadiran pelajar adalah secara sukarela. Syarat minimum sahaja dikenakan iaitu baligh dan dapat membaca jawi serta mengaji al-Quran.

Pondok Ar-Rahmaniah sering menerima kunjungan tetamu dari dalam dan luar negara, malah menjadi lokasi pilihan pelbagai majlis keraian terutama hari kebesaran Islam. Biasanya ketika Maulidur Rasul masyarakat di sekitar ini akan bergotong-royong dengan menyediakan makanan untuk 7,000 orang dan pernah mencatat rekod kehadiran 10,000 orang beberapa tahun lalu apabila diadakan perarakan sambutan Maulidur Rasul. Gambar-gambar berikut memaparkan suasana pondok Ar-Rahmaniah yang telah dibangunkan oleh Tok Guru Baba.

Gambar Hadapan Madrasah Ar-Rahmaniah



Gambar Tok Guru Baba Bersama Anak-Anak Murid Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul



Ketokohan ilmuan beliau bukan sahaja disayangi seluruh Nusantara, malah beliau turut dikagumi para ulama Arab terutamanya Yaman, Jordan dan Mesir. Beliau sering diziarahi oleh para ulama Arab. Antara Masyaikh hafizahumullah yang menziarahi beliau ialah: 1. Syeikh Yussuf Al-Hassani (Lubnan), 2. Syeikh Muhammad Ibrahim (Mesir), 3. Habib Kazim (Yaman), 4. Habib Abdullah (Jeddah) dan 5. Syeikh Habib (Jordan).



Gambar Tok Guru Baba Bersama Sahabat Terdekat



KESIMPULAN

Kertas kerja ini mengupas serba sedikit tentang Tokoh Murabbi yang dirindui dalam Persidangan Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ini. setelah membincangkan serba sedikit tentang biografi sejarah hidup beliau, dapatlah disimpulkan bahawa, beliau seorang ulama yang yang sentiasa dirindui oleh masyarakat sehingga kini. Sehubungan itu, beliau adalah Murabbi yang berkarisma, berjiwa pendakwah, tegas dalam menegakkan hukum Allah, ikhlas dalam menyampaikan dakwah dan tarbiyah kepada masyarakat, disanjung serta disayangi seluruh benua Nusantara dan tanah Arab. Insyaallah, segala ilmu yang telah dicurahkan akan diteruskan oleh anak didiknya dan semoga perjuangan beliau terus diwarisi oleh anaknya Syeikh Muslim Bin Haji Salleh. Segala ilmu yang dicurahkan akan dapat dimanfaatkan oleh ummat sejagat dan semoga beliau ditempatkan dalam kalangan kekasih Allah. Amin. Al-Fatihah.

RUJUKAN

Norfazila Ab Hamid, Farhah Zaidar ramli & Zainora Daud. 2016. *Tokoh-tokoh Ulama Melayu Nusantara*. Cheras: Pusat Pengajian Teras, KUIS, Jabatan Agama Islam Selangor & Lembaga Zakat Selangor.